

Nama:

Kelas:

KARNIVAL HARI PELADANG, PENTERNAK, DAN NELAYAN 2019



28 September hingga 1 Oktober 2019
8:30 pagi
MAEPS Serdang

- ◆ Harga lebih murah
- ◆ Jualan pelbagai jenis baka kambing
- ◆ Khidmat nasihat dan bimbingan tentang cara-cara penjagaan kambing yang betul
- ◆ Dihantar ke rumah dalam masa seminggu atau lebih mengikut tempat
- ◆ Pembeli akan mendapat ubat dan dedak kambing secara percuma

JUAL BELI KAMBING

Diusahakan oleh ENCIK BAHARUM

Jika berminat boleh terus datang ke alamat:
Lot 102, Kampung Paya Setia, Kuala Selangor, Selangor

Dibuka pada setiap hari

- ◆ Pelbagai jenis baka kambing
- ◆ Kambing yang dibeli akan terus dihantar selepas pembayaran dibuat oleh pembeli
- ◆ Menjual ubat-ubatan dan dedak kambing
- ◆ Layanan mesra oleh pekerja

Pertanyaan lanjut, hubungi
013 - 331212 (Encik Baharum)

Su Ann : Selamat pagi, Amanda. Apakah yang sedang kamu lihat?

Amanda : Selamat pagi, Su Ann. Eh, Kamala dan Haikal pun ada! Saya sedang melihat iklan jualan kambing. Abang saya mahu menternak kambing. Pada pandangan kalian, yang manakah tempat yang sesuai untuk abang saya membeli kambing?

Kamala : Pada pandangan saya, elok abang kamu ke 1)
kerana pelbagai jenis 2)
3) di karnival itu.
berbanding dengan tempat lain.

Haikal : Saya bersetuju dengan pendapat Kamala. Tambahan lagi, di sana abang kamu boleh mendapatkan
4)
Selain membeli kambing, dapat abang kamu menambah pengetahuan tentang penjagaan kambing. Bak kata pepatah, "sambil menyelam, minum air".

Su Ann : Saya pula memilih iklan 5)
Beliau ada menjual pelbagai jenis baka kambing. Tambahan pula, kambing yang dibeli akan
6) . Abang kamu
dapat juga membeli 7)

Amanda : Setelah mendengar pandangan kalian, saya bercadang untuk mengajak abang saya ke Karnival Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan 2019. Selain karnival ini jarang-jarang diadakan,
8) secara percuma.

pembeli akan mendapat ubat dan dedak kambing	Jual Beli Kambing oleh Encik Baharum
khidmat nasihat dan bimbingan tentang cara-cara penjagaan kambing	ubat-ubatan dan dedak kambing
terus dihantar selepas pembayaran dibuat	baka kambing ada dijual
Karnival Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2019	Harganya pula lebih murah